

Pintu bantuan terbuka untuk ibu tunggal memerlukan

*FSC dan pertubuhan lihat peningkatan kes *Kesedaran adanya saluran bantuan 'dorong' lebih ramai memanfaatkan

10 May 2015

ERVINA MOHD JAMIL

JUMLAH ibu tunggal yang mengadu nasib dengan Pusat Khidmat Keluarga (FSC) dan badan bantu diri kian bertambah sejak beberapa tahun lalu.

Meskipun tiada perangkaan rasmi, beberapa FSC dan badan khidmat sosial yang ditinjau Berita Minggu mendedahkan mereka kini membantu lebih ramai ibu tunggal berbanding dahulu.

Antara sebab yang mendorong mereka tampil mendapatkan bantuan ialah masalah kewangan dan isu keluarga serta anak-anak.

Menurut penolong pekerja sosial kanan FSC Rotary di Clementi, Encik Peter Li, bilangan ibu tunggal, termasuk dalam kalangan masyarakat Melayu/Islam yang memanfaatkan khidmat yang ditawarkan pusat itu rata-rata meningkat sejak beberapa tahun lalu.

Memberi perangkaan klien ibu tunggal Melayu/Islam pusat itu, Encik Li berkata sekitar 50 peratus dari mereka telah bercerai sementara bakinya berpisah dengan pasangan, suami di penjara dan melahirkan anak luar nikah. Sebilangan besar ibu tunggal yang mendapatkan bantuan di FSC Rotary juga tampil kerana menghadapi masalah kewangan.

Di kalangan ibu tunggal Melayu/Islam, 76 peratus daripada mereka tinggal di flat yang disewa daripada HDB atau pasaran terbuka atau tinggal bersama teman dan keluarga. Kebanyakan mereka juga tinggal di flat sewa satu dan dua bilik, kata Encik Li.

Kesedaran tentang adanya saluran bantuan telah membuat mereka tampil memohon bantuan.

Menurutnya lagi, 72 peratus daripada mereka juga mempunyai kelulusan Sijil Am Pelajaran (GCE) peringkat 'O' kebawah. Sebilangan besar juga atau 44 peratus daripada mereka tidak bekerja, sementara sekitar 16 peratus mempunyai pekerjaan tidak tetap.

"Status sebilangan ibu tunggal yang tidak bekerja dengan kemahiran dan pendidikan rendah merupakan antara sebab ibu tunggal menghadapi masalah kewangan. Tanpa sumber kewangan mereka ternyata tidak mempunyai sokongan kewangan yang mencukupi untuk membesarkan anak dan membiayai hidup mereka sendiri.

"Contohnya, kalau mereka tinggal di flat sewa pun, mereka harus bayar dengan wang, tak boleh guna CPF (Tabung Simpanan Pekerja)," ujar Encik Li. Jumlah ibu tunggal yang mendapatkan bantuan daripada sesetengah badan Melayu/Islam turut meningkat sejak beberapa tahun lalu.

Menurut Angkatan Karyawan Islam (AMP), bilangan ibu tunggal yang dibantu badan itu meningkat sebanyak 10 peratus dari 2008 hingga tahun lalu. Kebanyakan mereka berusia lebih 40 tahun dan berkahwin sebelum berusia 25 tahun.

Sebahagian besar juga, 46 peratus, menjadi ibu tunggal dekperceraian atau suami meninggal dunia selepas berkahwin antara 11 dengan 19 tahun, sementara 42 peratus menjadi ibu tunggal selepas berumahtangga selama 20 tahun.

Namun, menurut pengurusan AMP, Cik Hameet Khanee, hampir 40 peratus ibu tunggal itu juga hanya tampil mendapatkan bantuan daripada badan itu selepas sekurang-kurangnya tiga tahun bercerai atau kematian suami.

"Mereka telah berusaha pelbagai cara untuk mencukupkan perbelanjaan bagi membesarkan anak dengan sokongan keluarga atau menggunakan simpanan mereka. Namun, selepas mereka sedar mereka tidak mampu melakukan semua itu sendiri atau apabila ahli keluarga kurangkan atau tarik balik sokongan yang diberi, mereka tampil mendapatkan bantuan daripada AMP.

"Yang lain dirujuk kepada kami oleh keluarga, teman, sekolah anak dan sebagainya," kata Cik Hameet. Menurut Pengurus Pusat Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS) As-Salaam, Cik Nooraini Razak, pula trend ibu tunggal yang mendapatkan bantuan daripada pusat itu kini agak stabil.

Tetapi sebelum 2011, jumlahnya berbeza-beza – ada tahun yang menunjukkan bilangan berkurangan sedikit dan ada tahun yang menunjukkan peningkatan.

Tambahnya, kebanyakan mereka berusia 40-an tahun dan mempunyai tiga hingga empat anak yang berada di sekolah rendah atau lebih muda. Kebanyakan juga berpendidikan menengah dan bekerja sepenuh masa dan meraih gaji bawah \$1,500 sebulan.

Selain mengendalikan pelbagai program sokongan untuk ibu tunggal serta kanak-kanak yang kematian ibu bapa atau ibu bapa mereka bercerai, Pusat PPIS As-Salaam juga telah dilantik sebagai salah satu Agensi Pakar Sokongan Perceraian (DSSA).

"Ini membolehkan kami meninjau isu berkaitan perceraian dengan lebih menyeluruh," kata Cik Nooraini.